



03 MAY, 2026

## Ismail masih lincah di usia 42 tahun

Metro Ahad, Malaysia



## Ismail masih lincah di usia 42 tahun

**Kuantan:** Semangat yang begitu menebal menjadi pendorong kuat buat bekas pemain hoki kebangsaan, Ismail Abu untuk terus beraksi pada saingan Liga Hoki Malaysia (MHL)-TNB 2026.

Pada usia menjangkau 42 tahun, kelibat penyerang lincah itu dapat dilihat bersama membantu Young Elephants Pahang di bawah kendalian jurulatih, Mohd Sufian Mohamad yang juga rakannya bersama pasukan Tok Gajah suatu ketika dahulu.

“Sebelum ini saya meletakkan detik pada usia 40 tahun untuk bersara dalam kancah sukan hoki namun saya tidak mampu menunaikannya disebabkan faktor terlalu mencintai sukan ini yang begitu sehati dengan diri.

“Musim ini saya sepatutnya tidak bermain disebabkan kecederaan lama pada kedua belah lutut yang kembali berulang, namun kerana minat yang mendalam saya tetap harungi cabaran dalam keadaan kesakitan,” katanya, ditemui di sini, kelmarin.

Dia yang kini bertugas

dengan Majlis Perbandaran Temerloh (MPT) berkata, untuk membantu Young Elephants Pahang pada perlawanan dengan kelab China, Liaoning Men's Hockey Team (LMHT), di sini, Rabu lalu, dia terpaksa mendapatkan suntikan bagi menahan kesakitan.

Ismail berkata, dia mewakili pasukan Pahang hampir semua peringkat kejohanan kebangsaan sejak berumur 11 tahun hingga kini.

Namun di pentas MHL sebelum ini dia bermain dengan Terengganu, Singh Sabah Hockey Club (SSHC), Maybank dan Kedah/Nurinsafi HT sebelum beraksi di Hong Kong pada 2018.

Katanya, di pentas antarabangsa dia bersama pasukan negara selama 14 tahun dengan 312 cap antaranya beraksi pada kejohanan hoki Piala Dunia 2014, Sukan Komanwel 2006 (pingat gangsa), Sukan Asia Busan 2002 (pingat gangsa), Piala Asia (dua gangsa), Piala Sultan Azlan Shah (pingat perak) dan Champion Challenge (dua pingat perak).



ISMAIL (kanan) kini beraksi dalam Liga Hoki Malaysia (MHL)-TNB 2026. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT